

20 MAR 2001

Mahathir-Sabah

MAHATHIR KATA KRITIKAN MENGENAI SISTEM PENGGILIRAN SUDAH DIJANGKA

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak terkejut dengan dakwaan pembangkang Sabah bahawa sistem penggiliran jawatan ketua menteri tidak berpihak kepada Bumiputera bukan Islam.

"Apa yang kamu jangkaan pembangkang akan berkata. Kamu tidak boleh mengharap mereka akan berkata bahawa ia merupakan perkara yang baik. Adakah kamu menjangkakan mereka akan berkata ianya baik," kata perdana menteri.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan timbalan presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Dr Maximus Ongkili yang dilaporkan berkata bahawa ketiadaan wakil Kadazandusun untuk tempoh empat tahun akan datang "merupakan penilaian tidak bertimbang rasa pemimpin masyarakat keseluruhannya."

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar mengenai "Kewibawaan dalam perniagaan - Cara ke hadapan" di Hotel Nikko di sini, Dr Mahathir berkata malah jika Barisan Nasional (BN) menghapuskan sistem penggiliran itu, pembangkang juga akan mengkritiknya.

"Mereka akan kata, lihat mereka tidak menunaikan janji," katanya.

Jumaat lepas, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, semasa mengumumkan pelantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru, berkata sistem penggiliran akan terus dilaksanakan dengan perubahan kecil.

Perubahan itu akan menyaksikan Umno, parti utama dalam BN Sabah, memegang jawatan ketua menteri Sabah dua kali atau empat tahun mengikut sistem itu berbanding dua tahun sekarang.

Komponen parti lain akan memegang jawatan itu sekali atau dua tahun dalam setiap pusingan penggiliran.

Mengikut peraturan awal, para pemimpin ketiga-tiga masyarakat di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam akan mengetuai kerajaan negeri, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Dr Mahathir berkata apabila BN memutuskan untuk mengekalkan sistem itu, pembangkang, seperti yang dijangkakan, menyifatkannya sebagai sistem yang tidak baik.

Perdana Menteri berkata beliau tidak risau dengan kritikan seperti itu kerana ia merupakan perkara biasa bagi parti-parti pembangkang di negara ini mengutuk apa sahaja usaha atau program yang dilakukan oleh parti pemerintah.

-- BERNAMA

AR ES LAT